


Bahasa Melayu Sebagai BAHASA ASEAN



Dalam buku *Yang Terukir: Bahasa dan Persuratan Melayu* yang diterbitkan sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan Singapura, jelas dinyatakan tentang kelenyapan status *lingua franca* bahasa Melayu di Singapura. Di Malaysia, senario yang sama, sudah mula menguasai cara berfikir dan mentafsir para pemimpin dan golongan muda, sehingga terdapat kecenderungan mereka untuk melebihkan penggunaan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu.

Pada tahun hadapan, ASEAN atau lebih dikenali sebagai Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara, bakal meraikan sambutan ulang tahun ke-50, sejak penubuhannya pada 1967. ASEAN yang diasaskan melalui Deklarasi Bangkok terdiri dari Negara Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand. Manakala Brunei Darussalam menyertai ASEAN pada 7 Januari 1984, Vietnam pada tahun 1995, Laos dan Myanmar pada tahun 1997 dan Kemboja pada tahun 1999. Berpegang pada moto "Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti", ASEAN yang mempunyai populasi seramai 628 362 000, turut memiliki kerencaman bahasa etnik peribumi, khususnya dari rumpun bahasa Austronesia yang dianggarkan sebanyak 1247 bahasa (www.ethnologue.com). Paling menarik, hampir separuh daripada jumlah penduduk ASEAN, iaitu 46.39% atau 291,527,000 orang, merupakan penutur bahasa Melayu, khususnya di Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam. Sehubungan itu, impian untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN, bukanlah sesuatu yang mustahil. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa Melayu bukan sahaja telah berkembang di negara yang menjadikannya sebagai bahasa kebangsaan, tetapi turut berkembang pesat di beberapa buah daerah di Thailand, Vietnam, Filipina, Laos, Myanmar dan Australia.

Secara dasarnya, kedudukan bahasa Melayu di ASEAN sangat kukuh. Hal yang sedemikian ini turut didorong oleh faktor perundangan dan sejarah bahasa Melayu itu sendiri. Dari aspek perlembagaan,

empat buah negara di ASEAN secara rasminya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, iaitu Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura. Biarpun Singapura telah berpisah dari Malaysia pada 1963, namun Perlembagaan Singapura dalam perkara 153A, jelas menyatakan bahasa rasmi Singapura ialah bahasa Melayu yang ditulis dalam huruf roman. Sehingga kini, bahasa Melayu di Singapura masih terus digunakan, termasuk dalam lagu "Majulah Singapura" serta turut digunakan dalam ucapan Perdana Menteri Singapura bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan negara tersebut. Manakala di Indonesia, bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa Indonesia, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Republik Indonesia, Artikel 36. Penggunaan nama bahasa Indonesia sebenarnya bersusur galur daripada sejarah **Sumpah Pemuda** pada 28 Oktober 1928. Hal yang sedemikian ini bermakna, sebelum kemerdekaan Indonesia pada 6 Ogos 1945, bahasa Indonesia telah wujud lebih awal dan menjadi alat terpenting dalam konteks menyatukan rakyat Indonesia yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum, budaya, dan agama.

Di Malaysia pula, bahasa Melayu turut mendapat tempat dalam Perlembagaan Psekutuan melalui Perkara 152. Dalam konteks ini, bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa kebangsaan tetapi turut menjadi bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara. Selain itu, perkembangan bahasa Melayu di Brunei Darussalam amat menarik jika ditelusuri. Dalam artikel 82 (1), Perlembagaan Brunei Darussalam, bahasa

Melayu merupakan bahasa kebangsaan. Hal yang paling menarik ialah sekiranya terdapat percanggahan antara naskhah bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, maka naskhah dalam bahasa Melayu akan diguna pakai. Di samping itu, sebagai sebuah negara monarki Melayu di Kepulauan Borneo, bahasa Melayu di Brunei Darussalam berkembang subur bersama-sama tulisan jawi yang turut menjadi warisan Melayu di rantau ini. Melihat kedudukan bahasa Melayu dalam perlembagaan di empat buah negara ASEAN tadi, jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu berupakan menjadi bahasa ASEAN, seperti bahasa Inggeris yang menjadi bahasa utama dalam Kesatuan Eropah sebelum United Kingdom keluar daripada kesatuan tersebut (*Brexit*) pada 2016.

Dari aspek sejarah, bahasa Melayu sejak abad ke-7 sudah menjadi bahasa terpenting di Asia Tenggara, sehingga mendapat julukan sebagai *lingua franca of the East* seperti yang disebut oleh William Marsden (1812) dalam karyanya *A Grammar of the Malayan Language*. Perkara ini turut disentuh oleh seorang pengembara Belanda, iaitu Jan Huyghen Van Linchoten yang mengatakan bahawa dalam tahun 1600, bahasa Melayu ialah bahasa Nusantara, bahasa yang amat halus dan dimuliakan. Penyebaran bahasa Melayu sebagai *lingua franca* pada masa dahulu, bukan sekadar berada dalam lingkungan Kepulauan Melayu yang ada pada masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (2008) dalam *Ensiklopedia Bahasa Melayu*, kawasan bahasa Melayu mengangjur dari kawasan pergunungan Taiwan menyusur

Melihat dari sudut sejarah bahasa Melayu, ternyata tiada siapa yang dapat menyangkal segala fakta sejarah tentang perkembangan bahasa Melayu di Alam Melayu, termasuk ASEAN.

masyarakat di rantau ini tentang letak duduknya bahasa Melayu dalam konteks sejarah alam Melayu, yang bukan sahaja telah tersebar di ASEAN, tetapi turut mempunyai pertalian serumpun di Madagascar, Taiwan, New Zealand, Pulau Easter, dan benua Australia, khususnya di Pulau Cocos dan Perth. Sehubungan dengan itu, menjadi tanggungjawab kita semua, khususnya bangsa Melayu untuk menyatukan yang terserak, merapatkan yang tercerai dan menyambungkan yang terputus, dalam usaha membina semula kekuatan bahasa Melayu di rantau ini, khususnya di ASEAN.

Melihat dari sudut sejarah bahasa Melayu, ternyata tiada siapa yang dapat menyangkal segala fakta sejarah tentang perkembangan bahasa Melayu di Alam Melayu, termasuk ASEAN. Malah, sebahagian negara Kemboja (Cambodia) dan Vietnam pada suatu ketika dahulu, merupakan warisan Kerajaan Melayu Campa yang telah lenyap pada tahun 1835. Namun begitu, bangsa dan bahasa Melayu Campa masih wujud sehingga kini, sebagai bukti sejarah tentang kewujudan bangsa Melayu di dua buah negara tersebut. Begitu juga di Thailand, pernah wujud kerajaan Melayu Patani, seperti yang tercatat dalam *Hikayat Patani* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Walaupun kesemua kerajaan Melayu yang dinyatakan di atas telah runtuh, namun bangsa Melayu yang terdapat di sana

masih mempertahankan warisan bahasa dan budaya Melayu mereka. Hal yang sedemikian ini dapat dilihat di selatan Thailand, yang memperlihatkan bahasa Melayu masih meluas penggunaannya dalam urusan seharian, termasuk di Bandar Hat Yai. Begitu juga di Bandaraya Ho Chi Mint, Vietnam, bahasa Melayu begitu meluas penggunaannya dalam urusan perniagaan, khususnya di kawasan pasar Ben Than yang cukup terkenal dalam kalangan pelancong dari Malaysia. Jauh dari dunia Melayu, terdapat juga wilayah Melayu di bumi kanggaru. Pekan Katanning yang terletak kira-kira 350 km dari selatan Perth, di Australia Barat, merupakan pekan komuniti Melayu. Di sana, khutbah Jumaat masih dibacakan dalam bahasa Melayu dan hal yang sedemikian ini menjadi bukti kukuh tentang penyebaran bahasa Melayu sebagai *lingua franca* di alam Melayu.

Melihat akan perkembangan pesat bahasa Melayu di rantau Asia Tenggara serta keupayaannya untuk menjadi bahasa utama ASEAN, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk merealisasikan hasrat dan cita-cita tersebut. Antaranya termasuklah, bahasa Melayu perlu diperkukuh dahulu di Malaysia dan Singapura. Hal ini dikatakan demikian kerana di dua buah negara ini, kedudukan bahasa Melayu mulai rapuh, khususnya dalam bidang pendidikan. Singapura misalnya, selepas berpisah dari Malaysia pada tahun 1965, telah mengubah dasar bahasa dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan mereka. Manakala di Malaysia, perubahan beberapa dasar bahasa telah melemahkan

bahasa Melayu, khususnya ketika pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), dan terkini, pelaksanaan *Dual Language Program* (DLP) dalam Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Penurunan taraf bahasa Melayu dalam sistem pendidikan akan menjadikan bahasa Melayu di Malaysia lemah dan hilang fungsi sebagai bahasa ilmu, sama seperti bahasa Melayu di Singapura yang semakin mengecil dan terencil.

Dalam buku *Yang Terukir: Bahasa dan Persuatan Melayu* yang diterbitkan bersempena dengan sambutan 50 tahun kemerdekaan Singapura, jelas dinyatakan tentang kelenyapan status *lingua franca* bahasa Melayu di Singapura. Di Malaysia, senario yang sama, sudah mula menguasai cara berfikir dan menafsir para pemimpin dan golongan muda, sehingga terdapat kecenderungan mereka untuk melebihi penggunaan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Di Sarawak misalnya, kerajaan negeri secara drastik, tanpa kajian, telah mengubah dasar bahasa dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi, selain bahasa Melayu, dalam urusan pentadbiran. Manakala di universiti awam, bahasa Inggeris digunakan hampir 99 peratus dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah dan penulisan laporan penyelidikan. Bahasa Melayu hanya digunakan untuk mengajar kursus yang berkaitan dengan bahasa Melayu. Perkembangan muktahir ini amat membimbangkan, kerana kehilangan fungsi bahasa Melayu dalam sistem pendidikan dan pentadbiran akan membawa bersama bahasa Melayu ke lembah kehancuran. Senario ini amat tidak membantu perkembangan bahasa Melayu untuk menjadi bahasa ASEAN.

Di Sarawak misalnya, kerajaan negeri secara drastik, tanpa kajian, telah mengubah dasar bahasa dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi, selain bahasa Melayu, dalam urusan pentadbiran.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Anne-Marie de Meija (2002) yang bertajuk *Power, Prestige and Bilingualism: International Perspectives on Elite Bilingual Education*, untuk menjadi salah satu bahasa terpenting di dunia, 10 kriteria ini perlu dipenuhi. Antaranya termasuklah, jumlah penutur yang besar, jumlah penutur bukan ibunda yang besar, ada satu laras rasmi (baku) yang diajar secara meluas sebagai bahasa pertama dan bahasa asing, masyarakat bahasanya merentasi pelbagai etnik atau suku kaum, bahasa rasmi beberapa buah negara, bahasa perdagangan dan hubungan antarabangsa, bahasa organisasi antarabangsa, bahasa masyarakat akademik antarabangsa, memiliki sejumlah khazanah persuratan yang besar dalam pelbagai ilmu, dan perlu dikaitkan dengan kedudukan bahasa yang berprestij. Sekiranya kita telusuri semua kriteria di atas, bahasa Melayu sememangnya memiliki hampir lapan persepuluh daripada kriteria tersebut. Jika dilihat daripada jumlah penutur, bahasa Melayu berada pada kedudukan keempat

teramai di dunia. Selain itu, bahasa Melayu diterima dengan mudah oleh semua etnik di Indonesia mahupun di Malaysia. Dalam bidang pendidikan, bahasa Melayu bukan sekadar diajarkan, tetapi turut dipelajari oleh masyarakat luar, khususnya di Jepun, China, Korea, Australia, German, Russia dan Belanda. Dari sudut khazanah persuratan, ribuan kitab, surat dan dokumen dalam bahasa Melayu tersimpan megah di perpustakaan di Barat seperti Oxford dan Leiden. Hal yang sedemikian ini jelas membuktikan tentang kehebatan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perhubungan antarabangsa di rantau ASEAN.

Kesimpulannya, iktihar perlu dicari untuk memugar semula kekuatan bahasa Melayu di rantau ini. Bahasa Melayu harus lebih meluas penggunaannya, daripada peringkat rakyat bawahan sehingga peringkat pemimpin tertinggi negara. Perkara ini amat penting kerana komunikasi khalayak merupakan cerminan awal perkembangan bahasa Melayu di ASEAN. Justeru, dalam usaha mendaftarkan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama ASEAN, tugas mulia ini bukan hanya terletak di bahu para pejuang bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka atau mana-mana badan bahasa, tetapi turut tergalas di setiap bahu anggota masyarakat, khususnya dalam kalangan orang Melayu itu sendiri. Kekuatan inilah yang perlu dikumpulkan dan disatukan dengan orang Melayu di Singapura, Negara Brunei Darussalam dan Indonesia. Tanpa kekuatan ini, bahasa Melayu tidak mungkin akan menjadi bahasa ASEAN, walaupun separuh daripada penduduk ASEAN ialah rakyat yang menerima secara perlembagaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan mereka. DB